




Forum Masyarakat Adat Dataran Tinggi Borneo

(FORMADAT)



Sejarah FORMADAT

Kawasan Dataran Tinggi Borneo (DTB) adalah satu wilayah yang terbahagi dalam dua pentadbiran politik yang berbeza iaitu negara Indonesia (Kecamatan Krayan dan Krayan Selatan, Kabupaten Nunukan Kalimantan Timur) dan Sarawak (Bario, Ba' Kelalan/Long Semado) dan Sabah (Ulu Padas), Malaysia namun masyarakatnya adalah dari satu rumpun. Justeru itu, mereka berkongsikan satu budaya, satu bahasa, satu asal-usul maka tidak hairanlah mereka mempunyai hubungan yang sangat rapat sama ada secara kekeluargaan, adat, ekonomi dan perdagangan. Masyarakat di sini adalah Lun Dayeh/Lun Bawang, Kelabit dan Sa'aban.

Tempat ini kita sebut ‘Patar Dita’ Borneo’. Borneo adalah satu-satunya tanah air kita Lun Dayeh, Kelabit, Lun Bawang dan Sa’ban. Kita tiada tanah air yang lain. Kita harus melindungi Patar Dita’ Borneo tempat kita diami sejak turun temurun ini. Kita berasal dari satu asal usul, satu nenek moyang, satu tradisi. Melalui forum ini kita boleh bantu membantu sesama kita dan bersatu melindungi Patar Dita’ Borneo kita ini.

Ucapan Pak Lewi Gala, Bario 2007 (Ketua Umum FORMADAT Indonesia)

Kawasan DTB ini juga secara geografinya terletak di tengah-tengah atau di dalam “Heart of Borneo” yang mempunyai berbagai fungsi ekologis sebagai sebagai sumber air dan sungai yang mengalir ke Indonesia dan ke Malaysia yang menjadi nadi kehidupan kepada pelbagai masyarakat, haiwan, alam dan juga mengimbangi suhu dan iklim. Kerana itulah pentingnya Heart of Borneo ini dilindungi.



Foto: ©WWF-Malaysia

Ahli FORMADAT berbincang di dalam salah satu forum tahunannya



1. Penglibatan wanita yang aktif dalam FORMADAT



2. Masyarakat di Heart of Borneo di musim menuai padi



3. Sokongan pengurusan WWF di Long Layu

Inspirasi untuk membentuk satu perkumpulan masyarakat dicetuskan pada tahun 2003 oleh mendiang YB Dato' Dr Judson Sakai Tagal, Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi Sarawak merangkap Ahli Dewan Undangan N. 62 Ba' Kelalan. Mendiang mahu melihat DTB dilindungi serta masyarakat bersatu untuk memastikan pembangunan yang mampan dan berterusan di DTB, adat budaya masyarakatnya yang lestari alam dikekalkan dan masa depan masyarakatnya terjamin bersama dengan alam sekitarnya yang bermanfaat kepada seluruh kepulauan Borneo. Inspirasi ini berlandaskan kepada beberapa pengalaman pembangunan tanah tinggi di Malaysia yang tidak lestari alam.

Menyambut cabaran itu, maka pada tahun 2004, masyarakat Lun Dayeh, Kelabit, Lun Bawang dan Sa'ban (Bario, Ba' Kelalan, Long Semadoh, Sarawak; Long Pasia and Long Mio, Ulu Padas, Sabah; Krayan Induk and Krayan Selatan, Kalimantan Timur, Indonesia) telah menubuhkan Forum Masyarakat Adat Dataran Tinggi Borneo atau nama singkatnya iaitu FORMADAT di Long Bawan (Krayan) pada bulan Oktober, 2004.



Ahli FORMADAT membincangkan pelbagai aspek

Foto: ©WWF-Malaysia

Apakah FORMADAT?

Forum Masyarakat Adat Dataran Tinggi Borneo (FORMADAT) atau dalam bahasa setempat “Patar Tana’ Dita’ Borneo” adalah sebagai forum komunikasi, perkongsian dan pertukaran maklumat di antara masyarakat untuk bekerjasama dalam beberapa bidang pembangunan dan juga untuk menyelesaikan permasalahan demi kemajuan daerah dataran tanah tinggi. Selaras dengan itu, FORMADAT berhasrat untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang masyarakat di DTB, mengekalkan budaya tradisi masyarakatnya, membangun kemampuan masyarakat dan menggalakan pembangunan lestari di Heart of Borneo.

Dengan itu, program keutamaan FORMADAT tertumpu kepada pembangunan ekonomi untuk masyarakat dalam kawasan DTB melalui eko-pelancongan berdasarkan masyarakat, pertanian organik serta mengekalkan hutan di kawasan tersebut sebagai khazanah untuk dinikmati oleh penduduk setempat, pelancong dan generasi yang akan datang.

Struktur FORMADAT dari segi wilayah terbahagi kepada dua negara iaitu FORMADAT Indonesia yakni FORMADAT Wilayah Krayan Induk dan Wilayah Krayan Selatan dan FORMADAT Malaysia yang mempunyai tiga wilayah iaitu FORMADAT Wilayah Bario, Wilayah Ba’ Kelalan (dan Long Semadoh) dan Wilayah Long Pasia.

Deklarasi Masyarakat Adat di Dataran Tinggi Borneo

Kami masyarakat adat (asli) di Dataran Tinggi Borneo sebagai satu kesatuan warisan budaya dan sejarah suku Lun Dayeh – Kelabit – Lun Bawang – Sa’ban membentuk dan bersatu dalam Forum Masyarakat Adat (asli) Dataran Tinggi Borneo (FORMADAT) untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang masyarakat yang ada di Dataran Tinggi Borneo dan membangunkan kemampuan dan menggalakkan pembangunan yang lestari di jantung Borneo (Heart of Borneo).

BARIO, NOVEMBER 2006

FORMADAT sedang dalam proses untuk pendaftaran dengan Badan Pendaftaran Pertubuhan di kedua-dua negara. Mesyuarat umum FORMADAT pada Oktober 2009 telah bersetuju untuk mendaftar FORMADAT di wilayah masing-masing beralamat di Ba' Kelalan untuk Sarawak, di Long Pasia untuk Sabah dan di Long Bawan untuk Indonesia.

Keahlian: Keahlian FORMADAT hanya untuk masyarakat asal/peribumi/asli di Dataran Tanah Tinggi Borneo sahaja.




Foto: ©WWF-Indonesia • Cristina Egehler

VISI Dan MISI

Sungai Krayan di Long Padi

- Mempertahankan budaya, tradisi, bahasa, adat dan hubungan keluarga di antara semua masyarakat asli Dataran Tinggi Borneo sebagai satu kesatuan budaya dan sejarah suku Lun Dayeh-Lun Bawang/Kelabit/Sa'ban;
- Mendorong pengembangan usaha ekonomi yang berkelanjutan seperti pertanian organik dan eko-pelancongan berdasarkan masyarakat dan membentuk jaringan perdagangan yang adil;
- Mendorong pemeliharaan alam dan pembangunan berterusan (mampan) dan menjamin penglibatan masyarakat adat/asal dalam segala aspek;
- Melestarikan sumber air; tepi (tebing) sungai dan kawasan hutan adat, memelihara tempat atau bukti sejarah dan budaya, dan melindungi hak kekayaan intelektual masyarakat adat dataran tinggi secara bersama.

Wilayah-Wilayah FORMADAT



Sumber: WWF-Indonesia

A). MALAYSIA

1. Wilayah Bario, Sarawak
2. Wilayah Ba' Kelalan, Sarawak dan Long Semadoh
3. Wilayah Ulu Padas, Sabah

B). INDONESIA

1. Wilayah Krayan Induk, Kabupaten Nunukan, Kalimantan Timur
2. Wilayah Krayan Selatan, Kabupaten Nunukan, Kalimantan Timur

Maklumat Setiap Wilayah

Wilayah Ba' Kelalan

- FORMADAT Wilayah Ba' Kelalan merangkumi Long Semadoh
- Anggaran penduduk adalah 2,914 yang terdiri dari masyarakat Lun Bawang sebagai satu masyarakat utama dan terbesar di sini
- Terletak di 970 meter dari paras muka laut
- Terletak di Dataran Maligan dan pintu utama ke Krayan Induk (Indonesia)
- Aktiviti ekonomi utama masyarakat adalah penanaman padi sawah dan penternakan kerbau, terkenal dengan Beras Adan dan juga buah epal (satu-satunya ladang epal di Malaysia), dan tumbuh-tumbuhan hutan kerangas seperti orkid, rhododendrons dan periuk kera (*pitcher plant*)
- Bersempadan dengan FORMADAT Wilayah Krayan Induk, Bario dan Ulu Padas.



Penduduk kampung bekerjasama menuai padi di Long Rusu Ba' Kelalan

Foto: ©WWF-Malaysia • Dora Jok



Mesyuarat FORMADAT Wilayah Bario

Foto: ©WWF-Malaysia • Rahmatshah Amat

Wilayah Bario

- Wilayah Bario merupakan kelompok beberapa buah kampung dengan anggaran penduduk seramai 1,200 orang yang masih menetap di sini yang terdiri dari masyarakat Kelabit sebagai masyarakat utama di sini
- Terletak di 1,110 meter dari paras muka laut
- Terletak di Dataran Tanah Tinggi Kelabit
- Dataran Tanah Tinggi Kelabit adalah punca Sungai Baram
- Aktiviti ekonomi utama masyarakat adalah penanaman padi sawah dan pelancongan
- Terkenal dengan hasil pertanian beras (Beras Bario), nenas Bario yang sangat manis, garam gunung dan tumbuh-tumbuhan hutan kerangas seperti orkid, *rhododendrons* dan periuk kera (*pitcher plant*)
- Bersempadan dengan FORMADAT Wilayah Krayan Selatan, Wilayah Krayan Induk dan Wilayah Ba' Kelalan.

Wilayah Ulu Padas

- FORMADAT Wilayah Long Pasia merangkumi Long Mio dan Long Pasia yang terletak di Selatan-Barat negeri Sabah
- Anggaran penduduk adalah 800 orang yang terdiri dari masyarakat Lun Dayeh sebagai satu masyarakat utama dan terbesar di sini
- Terletak di 1,000 meter meter dari paras muka laut
- Terletak di Dataran Tinggi Maligan
- Aktiviti ekonomi utama masyarakat adalah penanaman padi sawah dan eko-pelancongan
- Terkenal dengan kepelbagaiannya orkid, *rhododendrons* dan periuk kera (*pitcher plant*) yang banyak didapati di di Taman Kerangas Long Pasia dan di hutan di sekeliling Ulu Padas.



1.



2.



3.



4.



Long Pasia, Sabah



Acara kebudayaan adat di Krayan Induk

Foto dengan lisan daripada Rudi R.

Wilayah Krayan Induk



1.



2.



3.

- FORMADAT Wilayah Krayan Induk merangkumi dua wilayah adat iaitu Krayan Hilir dan Krayan Darat yang terdiri daripada 65 desa atau 18 lokasi. Terletak di bahagian barat Kabupaten Nunukan, Kalimantan Timur, bersempadan dengan Sarawak dan Sabah
- Anggaran penduduk adalah sekitar 7,456 orang yang terdiri dari masyarakat Lun Dayeh Tana Lun dan Lun Dayeh Lun Ba sebagai masyarakat utama dan terbesar di sini
- Terletak di 1,000 meter dari paras muka laut
- Aktiviti ekonomi utama masyarakat adalah penanaman padi sawah dan terkenal dengan hasil beras 'adan'
- Masyarakat juga menternak kerbau dan berdagang dengan Ba' Kelalan. Kerajinan masyarakat Krayan sangat terkenal kerana mutunya dan keunikan bentuk produk dari berbagai bahan baku alam
- Terkenal dengan budaya dan sekolah teologia di Kampung Baru.

Krayan Selatan

- FORMADAT Wilayah Krayan Selatan merangkumi dua wilayah adat (Krayan Hulu dan Krayan Tengah), terdiri daripada 24 desa dan 6 lokasi
- Berbatasan langsung dengan Bario, Sarawak
- Anggaran penduduk adalah 2,401 orang yang terdiri dari masyarakat Lun Dayeh, Leng Ilu dan Sa'ban sebagai satu masyarakat terbesar di sini dan kelompok orang Punan
- Terletak di 1,000 meter dari paras muka laut
- Aktiviti ekonomi utama masyarakat adalah penanaman padi sawah dan terkenal dengan hasil beras Adan organik dan penternakan kerbau
- Daerah ini sangat kaya dengan jenis-jenis buah lokal (durian, maritam, mata kucing dan lain-lain) dan sudah mulai ada kegiatan eko-pelancongan. Kerajinan sangat khas bentuknya dan berwarna-warni.
- Di daerah ini masih terdapat jenis hutan dataran rendah di sepanjang aliran sungai Krayan dan jenis hutan khas *heath forest* yang luas khususnya daerah Payeh Rungan.



1. Buah mata kucing



2. Buah alim



3. Buah durian merah



4. Buah maritam merah



Foto: ©WWF-Indonesia • Cristina Egehler

FORMADAT dan lain-lain rakan kerjasama

FORMADAT mendorong penggunaan hutan atau alam sekitar dengan cermat. Misi dan visi FORMADAT menjelaskan bahawa FORMADAT adalah organisasi yang perihatin dan peduli akan alam sekitar yang lestari. Hasrat serta motif FORMADAT yang ingin melihat DTB diurus dengan lestari, maka keutamaan aktiviti-aktiviti FORMADAT juga memfokus kepada pertanian yang lestari, pemeliharaan kawasan air tадahan dan pengurusan hutan yang tidak mengancam kepupusan flora dan fauna kerana hutan adalah asset penting untuk eko-pelancongan, kegunaan harian seperti sumber makanan, sumber bahan untuk buat rumah serta bahan asas kraftangan dan sebagainya.

Kerjasama dan mendampingi dengan organisasi lain adalah satu strategi utama untuk menggiatkan usaha kemajuan dataran tinggi yang mampan terutamanya dari segi pengurusan alam sekitar; pertanian, sumber air dan eko-pelancongan. Kerjasama ini juga selari dengan usaha FORMADAT yang ingin melihat DTB sebagai satu tempat yang aman, lestari alam, sejahtera dan harmoni bagi masyarakatnya. Sesuai dengan itu, FORMADAT telah mengadakan beberapa kerjasama dan berkongsi pengetahuan dengan beberapa organisasi.

Sejak penubuhannya, FORMADAT mempunyai hubungan yang baik dengan beberapa organisasi seperti pihak kerajaan, agensi pelancongan, organisasi dasar di peringkat masyarakat dan NGO. WWF (WWF-Indonesia dan WWF-Malaysia) adalah salah satu daripada rakan kerja FORMADAT dalam inisiatif pemeliharaan alam sejak FORMADAT ditubuhkan.

Rakan-rakan lain yang sama pentingnya adalah Borneo Jungle Safari Sdn Bhd (BJS) yang mendukung usaha pelancongan di DTB dengan melibatkan FORMADAT di kedua-dua negara.

LSM Tana Tam di Krayan juga merupakan rakan kerjasama FORMADAT terutamanya dari segi mengongsikan misi eko-pelancongan dan pertanian organik di dataran tinggi. Selain daripada itu, beberapa organisasi yang pernah menjadi rakan kongsi FORMADAT adalah ITTO, E-borneo, Rurum Kelabit Sarawak, Persatuan Lun Bawang dan Persatuan Dayak Lun Dayeh Kalimantan Timur (PDLKT).

FORMADAT sentiasa mengalu-alukan jaringan kerjasama dengan organisasi lain yang mempunyai visi dan misi yang sama dengan FORMADAT.

Struktur Organisasi Forum Masyarakat Adat Dataran Tinggi Borneo (FORMADAT)

Penasihat

Penasihat Undang - Undang

Ketua Umum

(Satu Ketua Umum untuk Indonesia dan Satu Ketua Umum Malaysia)

Ketua Wilayah

(di setiap wilayah iaitu Wilayah Krayan Induk, Wilayah Krayan Selatan, INDONESIA,
Wilayah Ba' Kelalan/Long Semadoh, Wilayah Bario dan Wilayah Long Pasia,
MALAYSIA)

Setiausaha Wilayah

(di setiap wilayah iaitu Wilayah Krayan Induk, Wilayah Krayan Selatan, INDONESIA,
Wilayah Ba' Kelalan/Long Semadoh, Wilayah Bario dan Wilayah Long Pasia,
MALAYSIA)

Jawatankuasa - Jawankuasa

Jawatankuasa Pertanian Organik di setiap wilayah

Jawatankuasa Kebijakan Adat di setiap wilayah

Jawatankuasa Perlindungan Alam Sekitar di setiap wilayah

Jawatankuasa Eko-pelancongan di setiap wilayah

Jawatankuasa Sosial Budaya di setiap wilayah

Jawatankuasa Komunikasi dan Informasi di setiap wilayah

Jawatankuasa Wanita di setiap wilayah



1. 2.



3. 4.



5.



6. 7.



Foto 1, 2, 3, 4, 5 & 6: ©WWF-Indonesia • Cristina Eghenter | Foto 7: ©WWF-Malaysia • Dora Jok

Hubungi (kami):

Cr John Trawe, Ebario, Bario Central Market,
Kelabit Highlands, 98050 BARAM, MIRI, Sarawak, MALAYSIA
⌚ 019-438 1777 • ✉ jtarawe@bario.net

KK Berauk Tadam, FORMADAT Wilayah Ba'Kelalan,
Lawas, Sarawak, MALAYSIA
⌚ 013-8146150, 017-8502701

Andrew Laban, FORMADAT Wilayah Ulu Padas,
Sipitang, Sabah, MALAYSIA
⌚ 014-3736700 • ✉ iraflora@yahoo.com

Marli Kamis, FORMADAT Wilayah Krayan Selatan,
Kabupaten Nunukan, Kalimantan Timur, INDONESIA

Lasung Kaleb, Gedung Serbaguna, Long Bawan, Kecamatan
Krayan, Kabupaten Nunukan, Kalimantan Timur, INDONESIA
⌚ +62 081 350056991

Website:

formadatborneo.byethost13.com/

Pencetakan buku rujukan kecil (booklet) ini dijayakan dengan
sokongan daripada WWF

